



TEKS UCAPAN

YAB DATUK AMAR HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI

dibaca oleh

YB Lim Hui Ying
Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat

SAMBUTAN HARI BAPA PERINGKAT KEBANGSAAN 2026

28 JUN 2026 (AHAD)
TAMAN TASIK CYBERJAYA, SELANGOR
9.30 PAGI

Salam Sejahtera, Salam KASIH Keluarga dan Salam Malaysia Madani.

(SALUTASI) - LAMPIRAN DISEDIAKAN

Pertamanya saya menyampaikan salam dari Yang Amat Berhormat Datuk Amar Haji Fadillah Bin Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri yang tidak dapat bersama kita pagi ini atas urusan yang tidak dapat dielakkan. Saya juga menyampaikan salam dari Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang tidak dapat bersama-sama kita pada hari ini kerana beliau baru sahaja kehilangan suami tercinta pada 18 Jun yang lalu.

Pertamanya, saya ingin merakamkan penghargaan kepada Lembaga Pendudukan dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), rakan strategik serta semua pihak yang telah menjayakan sambutan ini. Penganjuran program seperti ini amat penting kerana ia bukan sekadar satu acara tahunan, tetapi menjadi wadah untuk kita mengangkat martabat seorang bapa sebagai tonggak keluarga, pembentuk sahsiah anak-anak dan pengimbang kesejahteraan masyarakat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Ungkapan “kasih ibu membawa ke syurga, kasih ayah sepanjang masa” sangat dekat di hati masyarakat kita. Jika kasih ibu sering dizahirkan dengan kelembutan dan belaian, kasih ayah pula sering hadir dalam bentuk tanggungjawab, pengorbanan, ketegasan dan perlindungan. Kasih seorang ayah mungkin tidak selalu terungkap dengan kata-kata,

tetapi terpancar melalui usaha yang tidak pernah putus, keringat yang dicurahkan, dan kesungguhan untuk memastikan keluarga sentiasa terbela. Justeru, wajarlah tema “Sehebat KASIH Bapa” dipilih sebagai tema Sambutan Hari Bapa pada tahun ini.

Statistik rasmi DOSM bagi tahun 2023 menunjukkan bahawa lelaki merupakan kumpulan yang dominan dalam beberapa indikator berkaitan jenayah dan koreksional di Malaysia. Sebanyak 95.7 peratus daripada penagih dadah yang ditangkap ialah lelaki, manakala lebih 96 peratus daripada individu yang diparol juga terdiri daripada lelaki. Angka ini tidak harus dilihat sekadar sebagai statistik, tetapi sebagai isyarat jelas tentang perlunya pengukuhan peranan lelaki, khususnya bapa, dalam institusi keluarga.

Dalam mendepani cabaran sosial hari ini, bapa perlu hadir bukan hanya sebagai penyedia keperluan keluarga, tetapi sebagai pembimbing nilai, pendengar yang dekat dengan anak-anak, serta contoh teladan dalam membentuk sahsiah, disiplin dan daya tahan diri. Peranan bapa yang kukuh dan berfungsi dengan baik mampu menjadi lapisan perlindungan terawal dalam mencegah penglibatan anak-anak dalam gejala sosial, penyalahgunaan dadah dan keciciran nilai. Sebab itu, agenda memperkasa keibubapaan, khususnya penglibatan bapa dalam pembesaran dan pendidikan anak, perlu terus diberi perhatian sebagai sebahagian daripada usaha negara membina keluarga yang stabil, masyarakat yang sejahtera dan masa depan yang lebih selamat untuk generasi akan datang.

Dalam dunia hari ini yang penuh cabaran, dengan tekanan kos sara hidup, pengaruh media sosial, perubahan sosial yang pantas dan tuntutan

kehidupan yang semakin kompleks, kehadiran seorang bapa yang terlibat secara aktif dalam kehidupan anak-anak menjadi semakin penting. Justeru, sambutan Hari Bapa ini wajar menjadi peringatan kepada kita bahawa kebapaan bukan hanya satu gelaran, tetapi satu amanah besar yang menuntut komitmen, kesabaran dan keikhlasan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kerajaan MADANI sentiasa meletakkan institusi keluarga sebagai asas kekuatan negara. Keluarga yang stabil, saling menyokong dan dipenuhi kasih sayang akan melahirkan masyarakat yang lebih sejahtera, selamat dan progresif. Dalam konteks ini, peranan bapa amat signifikan dalam memastikan rumah tangga dibina atas asas tanggungjawab, hormat, ihsan dan saling melengkapi.

Selaras dengan aspirasi tersebut, Dasar KASIH Keluarga Negara menjadi panduan penting dalam memperkukuh institusi keluarga di negara ini. Dasar ini menekankan bahawa keluarga ialah unit paling asas dalam pembinaan masyarakat dan negara. Ia mengangkat nilai kasih sayang, hormat-menghormati, tanggungjawab bersama serta keseimbangan antara pembangunan insan dan kesejahteraan keluarga.

Dalam merealisasikan hasrat yang terkandung dalam Dasar KASIH Keluarga Negara, saya dimaklumkan bahawa LPPKN telah membangunkan Modul Kebapaan baharu pada tahun 2025 yang memberi penekanan kepada kemahiran kebapaan moden. Modul ini merangkumi aspek kepimpinan, kesejahteraan psikologi, komunikasi berkesan serta pemanfaatan jaringan sokongan sosial bagi membantu

bapa melaksanakan peranan mereka dengan lebih berkesan selaras dengan aspirasi Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara untuk melahirkan masyarakat yang harmoni, sejahtera dan berakhlak mulia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Agenda hari ini menjadi lebih bermakna dengan penyampaian Anugerah Khas Inspirasi Bapa. Pengiktirafan tertinggi ini kita anugerahkan kepada sosok ayah yang mempamerkan ketabahan luar biasa serta pengorbanan tanpa sempadan demi mendidik anak-anak dalam mendepani cabaran memimpin keluarga.

Anugerah ini diberikan bukan kerana mereka sempurna, tetapi kerana kegigihan mereka menghadapi cabaran dalam kehidupan seharian. Semoga penganugerahan ini nanti akan menyuntik semangat baharu kepada semua bapa di luar sana untuk terus berjuang demi keluarga tercinta.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Selain memberi pengiktirafan kepada lelaki yang bergelar bapa, KPWKM komited memperkasa golongan lelaki melalui MEN Empowerment Network (MEN) atau inisiatif Jaringan Pemerkasaan Lelaki. Jaringan strategik yang menggabungkan kepakaran 20 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ini akan bertindak sebagai penggerak utama program kebapaan secara holistik.

Inisiatif MEN akan menyediakan pelbagai latihan pengurusan konflik dan kesihatan mental yang mesra komuniti lelaki disamping menepis stigma bahawa adalah sesuatu yang memalukan apabila lelaki meminta bantuan ketika berhadapan dengan tekanan hidup. Melalui pendekatan *whole-of-nation*, kementerian ini komited melahirkan ketua keluarga yang bertanggungjawab, mempunyai emosi yang sihat, dan mampu memimpin keluarga dengan bijaksana dan prihatin.

PENUTUP

Sebelum mengakhiri ucapan, suka saya berpesan kepada semua bapa diluar sana agar terus menjadi pelindung terbaik dan sahabat karib kepada anak-anak tercinta. Kasih ibu membawa ke syurga, kasih bapa sepanjang masa. Sesungguhnya, sehebat kasih bapa bukan sekadar pada bicara, tetapi pada pengorbanan yang sentiasa ada, pada didikan yang membina jiwa, dan pada doa yang mengiringi anak-anak ke mana jua.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan Tahun 2026.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

DATUK AMAR HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI
28 JUN 2026